BULETIN **BIL. 3** SEPTEMBER - DISEMBER 2022

# MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

# CIPTA SEJARAH 'MALAYSIA BOOK OF RECORDS' KIBAR LOGO KORPORAT TERBESAR DI PUNCAK GUNUNG KINABALU





www.mpaj.gov.my
03-4296 8000 Talian Utama / 1-800-22-8100 Talian Bebas Tol Aduan

# Kandungan

**BILANGAN 3 | EDISI 2022 | SEPTEMBER – DISEMBER**






3 MPAJ BERJAYA MELEPASI AUDIT PERINGKAT PERTAMA MS ISO 45001:2018 BERSAMA PIHAK SIRIM



6 KARNIVAL MINI GENERASI IMPAK SELANGOR (GAMS) DISAMBUT MERIAH



8 MPAJ SIAP SIAGA HADAPI BENCANA



14 SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR TAHUN 2022



## Sidang Redaksi

**PENAUNG**
Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim AMS
Yang Dipertua MPAJ

**PENASIHAT**
Puan Julaihah bt. Jamaludin AMS
Setiausaha MPAJ

**KETUA EDITOR**
Pn. Ruslaza bt. Mohd PIT
Pengarah Jabatan
Perancangan Korporat

**SIDANG EDITOR**
- Pn. Izzati Husna bt. Ismail
- Pn. Siti Mariam bt. Md Uzahir

**PEMBANTU PENERBITAN**
Pn. Normali bt. Nordin

**FOTOGRAFI**
En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar


## Hubungi Kami

| | |
|---|---|
| Talian Utama (Operator) | 03 - 4296 8000 |
| Faksimile | 03 - 4280 0066 |
| Hotline (24 Jam) | 03 - 4296 8100 |
| Talian Bebas Tol Aduan | 1 - 800 - 22 - 8100 |
| Pantas (Bencana Alam 24 Jam) | 03 - 4280 9050 |
| Kaunter Khidmat Pelanggan<br>- Kaunter Pertanyaan<br>- Kaunter Eskalasi Pelanggan | 03 - 4295 7040<br>03 - 4295 7357 |
| Pejabat Yang Dipertua | 03 - 4295 7090 |
| Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha | 03 - 4285 7099 |
| Jabatan Perbendaharaan | 03 - 4285 7004 |
| Jabatan Hasil | 03 - 4296 7004 |
| Jabatan Perancangan Korporat | 03 - 4295 7477 |
| Jabatan Penguatkuasa<br>- Bilik<br>- Trafik | 03 - 4295 7024<br>03 - 4285 7025<br>03 - 4280 7025 |
| Jabatan Reka, Masyarakat & Landskap | 03 - 4285 7012 |
| Jabatan Bangunan & Senibina | 03 - 4285 7085 |
| Jabatan Perancang Bandar | 03 - 4285 7008 |
| Jabatan Kejuruteraan | 03 - 4285 7300 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 03 - 4285 7072 |
| Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan | 03 - 4285 7544 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 03 - 4285 7044 |
| Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar | 03 - 4285 7007 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | 03 - 4285 7007 |
| Jabatan Undang-Undang | 03 - 4285 7016 |
| Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) | 03 - 4285 7110 |
| Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan) | 03 - 4285 7102 |
| Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat | 03 - 4285 7433 |
| Bahagian Ukur Bahan | 03 - 4285 7444 |
| Bahagian Audit Dalam | 03 - 4285 7188 |
| Bahagian Integriti | 03 - 4285 7407 |



# MPAJ BERJAYA MELEPASI AUDIT PERINGKAT PERTAMA MS ISO 45001:2018 BERSAMA PIHAK SIRIM

Menitikberatkan keselamatan dan kesihatan pekerja, MPAJ telah membangunkan dokumen bagi pensijilan MS ISO 45001:2018. Majlis pembukaan audit tahap pertama atau pra audit ke arah pensijilan MS ISO 45001:2018 iaitu Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan telah berlangsung pada 1 September 2022. Proses pra audit diketuai oleh Ts. Mohd Faizul bin Yusof dan dibantu oleh Encik Mohd Farid bin Mohd Zaid dari SIRIM Qas International. Proses pra audit dokumen yang berjalan selama satu hari telah selesai dengan beberapa issue of concern yang perlu diambil tindakan sebelum pensijilan sebenar. Acara penutup telah berlangsung pada pukul 4.30 petang. MPAJ menyasarkan proses pensijilan sebenar dengan pihak SIRIM pada awal tahun 2023.



## MPAJ SUCCESSFULLY PASSED THE FIRST STAGE AUDIT OF MS ISO 45001:2018 WITH SIRIM

*Emphasizing employees' safety and health, MPAJ has developed documents for MS ISO 45001:2018 certification. The opening ceremony of the first level audit or pre audit towards MS ISO 45001:2018 certification which is the Occupational Health and Safety Management System took place on 1 September 2022. The pre-audit process was led by Ts. Mohd Faizul bin Yusof and assisted by Encik Mohd Farid bin Mohd Zaid from SIRIM Qas International. The one-day document's pre-audit process was completed with a few issues of concern that need to be acted upon before the actual certification. The closing event took place at 4.30 pm. MPAJ is targeting the actual certification process with SIRIM in early 2023.*







# HARI TANPA KENDERAAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI BULAN SEPTEMBER 2022



YB Tuan Ir. Izham bin Hashim, EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam serta Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah telah merasmikan Hari Tanpa Kenderaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi bulan September 2022. Antara aktiviti utama yang berlangsung adalah kayuhan santai sempena 30 tahun MPAJ dan pertandingan pakaian beragam bertemakan patriotik. Turut diadakan perasmian kenderaan mikromobiliti MPAJ dan penyerahan sumbangan kepada pengurusan dan atlet Sukma Selangor. Kaunter pameran turut diadakan untuk pengunjung seperti semakan cukai dan kompaun, pameran denggi, pameran pemohonan pelan bangunan, pembayaran PTPTN, promosi Gobomi, kaunter khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pertanian serta pemeriksaan HIV/AIDS. Aktiviti lain yang turut dilaksanakan adalah menanam pokok dalam pasu, pertandingan dam aji, kuiz nyamuk, klinik memanah, zumba, kitar semula barangan terpakai, zoo mini, bengkel kenderaan, perkhidmatan potong rambut percuma, pameran kereta, karaoke terbuka serta khidmat nasihat fisio.

Majlis perasmian turut diserikan dengan persembahan angklung dari Sekolah Kebangsaan Lembah Keramat, persembahan tarian dari Sekolah Kebangsaan Lembah Jaya dan koir nyanyian lagu Kemerdekaan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Razali.

## *AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL'S CAR-FREE DAY FOR THE MONTH OF SEPTEMBER 2022*

*YB Tuan Ir. Izham bin Hashim, EXCO of Infrastructure and Public Facilities and Modernization of Agriculture and Agro-Based Industry in the State of Selangor and Member of the Pandan Indah State Assembly (ADUN) has inaugurated the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Vehicle Free Day for September 2022. Among the main activities taking place is a leisure ride in conjunction with MPAJ's 30th anniversary and a patriotic-themed diverse clothing competition. Also held was the inauguration of the MPAJ micro mobility vehicle and the handing over of donations to the management and athletes of Sukma Selangor. Exhibition counters are also held for visitors such as tax and compound checks, dengue exhibition, processing exhibition of building plans, PTPTN payment, Gobomi promotion, National Anti-Drug Agency (AADK) service counter, Department of Agriculture and HIV/AIDS screening. Other activities that are also carried out are potted tree planting, aji checkers competition, mosquito quiz, archery clinic, Zumba, recycling of used goods, mini zoo, vehicle workshop, free haircut service, car exhibition, open karaoke and physio consultation service.*

*The opening ceremony was also graced with an angklung performance by Lembah Keramat National School, a dance performance by Lembah Jaya National School and a choir singing the independence song by Dato' Ahmad Razali National High School.*



## MPAJ SUCCESSFULLY PASSED THE FIRST STAGE AUDIT OF MS ISO 37001:2016 WITH SIRIM

*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) went through the first stage of MS ISO 37001:2016 audit which is the Anti-Corruption Management System (ABMS) with SIRIM on 4 September 2022. The opening session of the MS ISO 37001:2016 pre-audit certification at Bunga Tanjung meeting room, Menara MPAJ was chaired by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ. The audit team from SIRIM Qas International was led by Encik Mohd Maududi bin Muhammad Noor and assisted by Puan Wan Shahima binti Mior Ahmed Shahimi, Puan S. Normalis binti Abd Samad and Puan Norazlina binti Ibrahim. The one-day document's pre-audit process was completed with a few issues of concern that need to be acted upon before the actual certification. MPAJ is targeting the actual certification process with SIRIM in early 2023.*

## MPAJ BERJAYA MELEPASI AUDIT PERINGKAT PERTAMA MS ISO 37001:2016 BERSAMA PIHAK SIRIM

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah melalui audit peringkat pertama MS ISO 37001:2016 iaitu Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dengan pihak SIRIM pada 4 September 2022. Sesi pembukaan pra audit pensijilan MS ISO 37001:2016 di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Menara MPAJ telah dipengerusikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Pasukan audit daripada pihak SIRIM Qas International diketuai oleh Encik Mohd Maududi bin Muhammad Noor serta dibantu oleh Puan Wan Shahima binti Mior Ahmed Shahimi, Puan S.Normalis binti Abd Samad dan Puan Norazlina binti Ibrahim. Proses pra audit dokumen yang berjalan selama satu hari telah selesai dengan beberapa 'issue of concern' yang perlu diambil tindakan sebelum pensijilan sebenar. MPAJ menyasarkan proses pensijilan sebenar dengan pihak SIRIM pada awal tahun 2023.












# KARNIVAL MINI GENERASI

## IMPAK SELANGOR (GeMS) DISAMBUT MERIAH




Karnival Mini Generasi Impak Selangor (GeMS) yang berlangsung di dataran Pangsapuri Seri Nilam, Bandar Baru Ampang pada 2 Oktober 2022 telah dirasmikan oleh YB Rodziah Ismail, Exco Perumahan & Kesejahteraan Bandar & Pembangunan Usahawan Negeri Selangor. Karnival telah dihadiri oleh Sr. Roslizhar bin Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPAJ bersama beberapa pegawai dan kakitangan MPAJ serta penduduk Ampang Jaya. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti mewarna, congkak, pemeriksaan kesihatan, perkhidmatan perpustakaan pintar bersifat mobil dan sumbangan bekalan makanan. MPAJ turut mengambil peluang membuka pameran kempen Hari-hari Tiada Sampah, program pengumpulan minyak masak, pengumpulan bahan buangan elektronik dan kempen basmi denggi.

Program GeMS telah memberikan pendedahan dan kesedaran buat ibu bapa dalam memastikan pencapaian positif akademik dan pembentukan sahsiah anak-anak. Ini merupakan suatu sinergi strategik antara Kerajaan Negeri Selangor, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat dan ahli komuniti khususnya ibu bapa atau penjaga.

### *SELANGOR IMPACT GENERATION MINI CARNIVAL (GEMS) GREETED ENTHUSIASTICALLY*

*The Selangor Impact Generation Mini Carnival (GeMS) which took place at Seri Nilam Apartment, Bandar Baru Ampang on 2 October 2022 was officiated by YB Rodziah Ismail, Housing & Urban Well being & Entrepreneur Development Exco of Selangor state. The carnival was attended by Sr. Roslizhar bin Abdul Rahim, Head of MPAJ's Building Commissioner (COB) Division, MPAJ officials and residents of Ampang Jaya. Various activities were held such as colouring, congkak, health check-ups, mobile smart library service and donation of food supplies. MPAJ also took the opportunity to open the Everyday Without Garbage campaign exhibition, cooking oil collection program, electronic waste collection and dengue eradication campaign.*

*The GeMS program has provided exposure and awareness for parents in ensuring positive academic achievement and character building of children. It is a strategic synergy between the Selangor State Government, non-governmental organizations (NGOs), community leaders and community members, especially parents or guardians.*









# SESI DIALOG
# KE ARAH BANDAR SELAMAT AMPANG JAYA 2022

Seramai 300 orang telah menghadiri sesi dialog Ke Arah Bandar Selamat Ampang Jaya 2022 yang berlangsung pada 4 Oktober 2022 anjuran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Sesi dialog telah dirasmikan oleh ACP Mohamed Farouk bin Eshak, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya. Turut hadir ialah Dato' Sri Ayub bin Yaakob, Naib Pengerusi Kanan MCPF; Encik Addy Hesham bin Elias, Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPAJ serta pegawai MPAJ. Pelbagai isu telah dibincangkan berkenaan inisiatif dan hala tuju ke arah Bandar Selamat Ampang Jaya. Sesi perbincangan turut disertai pelbagai agensi di peringkat kementerian, negeri dan daerah. Pameran turut dianjurkan untuk menyampaikan maklumat kepada warga Ampang Jaya.

## *TOWARDS AMPANG JAYA SAFE CITY 2022 TOWN HALL MEETING*

*A total of 300 people attended the Towards Ampang Jaya Safe City 2022 town hall meeting which took place on 4 October 2022 organized by the Ampang Jaya District Police Headquarters (IPD) in collaboration with Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) and Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF). The town hall meeting was officiated by ACP Mohamad Farouk bin Eshak, Ampang Jaya District Police Chief. Also present were Dato' Sri Ayub bin Yaakob, Senior Vice Chairman of MCPF; Encik Addy Hesham bin Elias, Director of MPAJ's Enforcement Department, as well as MPAJ's officials. Various issues were discussed regarding initiatives and direction toward Ampang Jaya Safe City. The discussion was also attended by various agencies at the ministry, state and district levels. Exhibitions were also organized to provide information to Ampang Jaya residents.*





# MPAJ Siap Siaga Hadapi Bencana

## MPAJ IS READY FOR DISASTERS







Menitikberatkan persiapan bagi menghadapi bencana di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Penguatkuasa MPAJ telah melaksanakan beberapa sesi latihan amal dan simulasi bencana. Pada 5 Oktober 2022 telah berlangsung latihan pengendalian bot menyelamat bagi persediaan menghadapi monsun timur laut. Kursus latihan pengurusan bencana bersama Angkatan Pertahanan Awam (APM) turut diadakan pada 13 Oktober 2022.

MPAJ sendiri telah menganjurkan program simulasi bencana banjir dan menyelamat bagi persediaan menghadapi monsun timur laut melibatkan seramai 48 kakitangan MPAJ, 4 wakil komuniti dan 11 orang tenaga pengajar dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 14 dan 15 Oktober 2022. Program meliputi teknik membina keyakinan diri menghadapi air, teknik menyelamat diri sewaktu berada di dalam air, teknik menyelamatkan mangsa dan pengendalian bot penyelamat. Program pada 22 Oktober 2022 turut melaksanakan teknik latihan yang sama melibatkan seramai 30 kakitangan MPAJ, 30 orang dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan 20 orang tenaga pengajar dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

*Focusing on preparations to deal with disasters in the administrative area of the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), MPAJ Enforcement Department has implemented several training sessions and disaster simulations. On 5 October 2022, a lifeboat operation exercise took place in preparation for the northeast monsoon. A disaster management training course with the Civil Defence Force (APM) was also held on 13 October 2022.*

*MPAJ itself has organized a flood and rescue simulation program to prepare for the northeast monsoon involving a total of 48 MPAJ staff, 4 community representatives and 11 instructors from the Malaysian Fire and Rescue Department on 14 and 15 October 2022. The program covers techniques to build self-confidence to face water, self-rescue techniques while in the water, rescue techniques and lifeboat handling. The program on 22 October 2022 also implemented the same training technique involving a total of 30 MPAJ staff, 30 people from the Royal Malaysian Police (PDRM) and 20 instructors from the Malaysian Fire and Rescue Department.*





# LAWATAN VERIFIKASI PENCAPAIAN PELAKSANAAN KEMPEN KESIHATAN PERSEKITARAN DI MPAJ

Ts. Mohamad Hilmi bin Mustapha, Penolong Pengarah, Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Encik Adam bin Abu Bakar, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran agensi yang sama telah hadir ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 5 Oktober 2022 bagi sesi lawatan verifikasi pencapaian pelaksanaan Kempen Kesihatan Persekitaran di MPAJ.

Verifikasi ini bertujuan untuk melihat pencapaian Kempen Basmi Tikus di Pasar MPAJ, Pandan Jaya dan Kempen Cegah Denggi di Jalan Teratai. Sesi pembukaan telah dipengerusikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ dan dihadiri oleh Encik Ghazali bin Ab Wahab, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta beberapa orang pengarah dan pegawai MPAJ.





## *VERIFICATION VISIT ON THE ACHIEVEMENT OF ENVIRONMENTAL HEALTH CAMPAIGN IN MPAJ*

*Ts. Mohamad Hilmi bin Mustapha, Assistant Director, Environmental Health Consultation Division, Local Government Department, Ministry of Housing and Local Government (KPKT) and Encik Adam bin Abu Bakar, Assistant Environmental Health Officer from the same agency were present at Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) on 5 October 2022 for the verification visit session of the Environmental Health Campaign implementation at MPAJ.*

*This verification was aimed to see the achievements of the Rat Eradication Campaign at MPAJ's Market, Pandan Jaya and the Dengue Prevention Campaign at Jalan Teratai. The opening session was chaired by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ and attended by Encik Ghazali bin Ab Wahab, Director of the Health and Environment Department together with a few internal directors and officers of MPAJ.*



# Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Hulu Langat



Hari Sukan Negara telah disambut meriah oleh penduduk Daerah Hulu Langat pada 8 Oktober 2022 di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Pelbagai aktiviti sukan diadakan seperti ragbi, memanah, sukan rakyat, sukan kanak-kanak, sukaneka OKU, aerobikton, 'net shootout' dan 'boules bocce' serta pelbagai aktiviti untuk menggalakkan budaya bersukan yang dapat merapatkan hubungan penduduk tanpa mengira umur, bangsa dan agama. Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat. Turut hadir ialah Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ; Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ; Encik Khairiazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ beserta ahli majlis, pegawai dan kakitangan MPAJ.



## Hulu Langat District Level National Sports Day Celebration 2022



*National Sports Day was celebrated by residents of Hulu Langat district on 8 October 2022 at Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Various sports activities were held such as rugby, archery, folk sports, children's sports, OKU sports, aerobicton, net shootout and boules bocce as well as various activities to promote sports culture that can bring people together regardless of age, race and religion. This program was officiated by Dr. Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer. Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ; Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary; Encik Khairiazhar bin Ismail, Director of Youth, Community and Landscape Department of MPAJ; councillors; and officials.*



# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
## PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA 2022



Sambutan Maulidur Rasul peringkat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah berlangsung di Masjid Ubudiah, Kg Tasek Tambahan pada 16 Oktober 2022. Program dirasmikan oleh Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ. Turut hadir En. Khairiazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap serta pegawai-pegawai MPAJ. Program ini disertai oleh pelbagai agensi seperti agensi kerajaan, swasta, masjid, surau, persatuan penduduk, rukun tetangga (KRT) dan pelbagai lagi. Turut diserikan dengan aktiviti perarakan dan berselawat, ceramah, pertandingan khat, azan dan pelbagai lagi meraikan sambutan Maulidur Rasul.

Keputusan Pertandingan Perarakan Maulidur Rasul 1444H / 2022M Peringkat Majlis Perbandaran Ampang Jaya / *Results of the MPAJ's Maulidur Rasul Parade Competition:*

| |
|---|
| **Kumpulan teramai /** *Largest group : Hospital Ampang* |
| **Sepanduk terbaik /** *Best banner : Masjid Al-Ubudiah (Muslimin)* |
| **Pakaian Terbaik /** *Best costume : Masjid Al-Ubudiah (Muslimat)* |
| **Johan /** *1st place : Surau Musolla Darussalam, Taman Bukit Teratai* |
| **Naib Johan /** *2nd place : KRT Pandan Mewah* |
| **Ketiga /** *3rd place : Surau Al-Taqwa, Taman Saga* |
| **Hadiah saguhati /** *Consolation prizes :* |

a. *Surau Taman Sri Raya*
b. *Surau Ar-Raihan, Pandan Indah*
c. *Madrasah Al-Nuriah*
d. *Surau Baitul Islah*
e. *SK Taman Muda*
f. *Surau Mujahidin*
g. *SMK Dato' Ahmad Razali*

### MPAJ'S MAULIDUR RASUL CELEBRATION 2022

*MPAJ's Maulidur Rasul celebration was held at Masjid Ubudiah, Kg Tasek Tambahan on 16 October 2022. This program was officiated by Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary. Also present were En. Khairiazhar bin Ismail, Director of Youth, Community and Landscape Department and officials from MPAJ. Various agencies participated in the program such as government agencies, the private sector, mosques, surau, residents' associations, 'rukun tetangga' (KRT) and many more. It was also celebrated with activities such as processions and prayers, lectures, calligraphy competitions, calls to prayer (azan) and many more to honour Maulidur Rasul.*





# MPAJ RAIH ANUGERAH TERTINGGI EMAS
## DI KONVENSYEN KUALITI DAN PRODUKTIVITI ANTARABANGSA (IQPC) BALI 2022

Kumpulan F.P.S. dari Jabatan Kejuruteraan yang mencapai kejayaan cemerlang di Pameran Produktiviti & Inovasi Tahunan (Arise) 2021 peringkat kebangsaan telah dijemput untuk menyertai Konvensyen Kualiti dan Produktiviti Antarabangsa (IQPC) Bali 2022. Kumpulan mempertaruhkan produk inovasi "Flexible Power Socket" atau dikenali sebagai F.P.S. Produk ini mampu menyelesaikan pencemaran bunyi di pasar malam MPAJ. F.P.S juga selari dengan perancangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Bandar Rendah Karbon 2030. Kini pasar malam di MPAJ tenang tanpa gangguan generator dan pencemaran alam sekitar. MPAJ amat berbangga apabila pasukan F.P.S. dianugerahkan pengiktirafan tertinggi emas dalam konvensyen antarabangsa yang berlangsung pada 24 hingga 27 Oktober 2022 di Bali, Indonesia.






### MPAJ RECEIVED THE HIGHEST GOLD RECOGNITION IN THE INTERNATIONAL QUALITY AND PRODUCTIVITY CONVENTION (IQPC) BALI 2022

*F.P.S. team from Engineering Department who achieved outstanding success in Annual Productivity and Innovation Showcase (Arise) 2021 at the national level was invited to participate in the International Quality and Productivity Convention (IQPC) (IQPC) Bali 2022. This group presented their innovative product, Flexible Power Socket or better known as F.P.S. This product can solve noise pollution at MPAJ's night market. It is also in line with the planning of Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Low Carbon City 2030. Now the night market in MPAJ is calm without generator interference and environmental pollution. MPAJ is very proud when the F.P.S. team was awarded the highest recognition of gold in the international convention that took place from 24 until 27 October 2022 in Bali, Indonesia.*









# MPAJ MEMPERTAHANKAN KEJUARAAN DUA (2) TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI ANUGERAH KHAS PIHAK BERKUASA TEMPATAN

ANUGERAH LAMAN HIJAU NEGERI SELANGOR 2022

## *MPAJ RETAINED CHAMPIONSHIP IN THE LOCAL AUTHORITY'S SPECIAL AWARD FOR TWO (2) CONSECUTIVE YEARS*

GARDEN AWARD 2022

Tanggal 5 November 2022 mencatatkan sejarah tersendiri apabila Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berjaya mempertahankan kejuaraan dua (2) tahun berturut-turut bagi Anugerah Khas Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik sempena Anugerah Laman Hijau Negeri Selangor tahun 2022. Kejayaan ini diperoleh atas komitmen tinggi dan bantuan MPAJ dalam menggalak serta membangunkan kebun-kebun komuniti di kawasan pentadbirannya. Selain itu, lima (5) lagi anugerah yang diterima oleh MPAJ dan komuniti kebun komuniti ialah:

*5 November 2022 marked its history when Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) managed to retain its championship two (2) years in a row for The Best Local Authority Special Award in conjunction with the Selangor Green Garden Award 2022. It was obtained due to the high commitment of MPAJ in encouraging as well as developing community gardens in its administrative area. In addition, there were five (5) more awards received by MPAJ and the community garden community that were :*

- Naib Johan / 2nd place
Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara

- Tempat ketiga / 3rd place
Kebun Komuniti Pangsapuri Ukay Indah

Saguhati / Consolation prize
Kebun Komuniti Rumah Pangsa JKR, Ampang

- Saguhati / Consolation prize
Kebun Komuniti Pegaga, Bukit Indah

- Anugerah Khas Inovasi / Innovation Special Award
Kebun Komuniti Pegaga, Bukit Indah

Hadiah telah disampaikan oleh Dato' TPr. Dr. Juhari bin Ahmad, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Hadir menerima anugerah bagi pihak MPAJ ialah Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPAJ serta pegawai dari Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap serta Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB).

*The prize was presented by Dato' TPr. Dr. Juhari bin Ahmad, Executive Director of the Selangor Housing and Real Estate Board. Present to receive the award on behalf of MPAJ was Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, Head of MPAJ's Building Commissioner (COB) Division and officials from the Youth, Community and Landscape Department and the Building Commissioner (COB) Division.*





# SIDANG KEMUNCAK

## PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR TAHUN 2022

### *SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2022*

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membuka empat reruai sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor yang berlangsung pada 6 hingga 9 Oktober 2022 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Satu reruai di Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK) 2022 yang mempamerkan guna tanah, perancangan kawasan-kawasan perindustrian dan kawasan potensi pembangunan di Ampang Jaya. Satu reruai di Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) yang mempamerkan perancangan, pelaksanaan serta hala tuju Bandar Pintar Ampang Jaya. Dua reruai di Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (SRIF) yang mengetengahkan produk inovasi MPAJ iaitu kumpulan Cyberwave dengan Sistem Komunikasi Pintar MPAJ berasaskan mobil (iComm Mobil MPAJ) serta kumpulan Archy dengan produk 'Pocket Water'.

*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) opened four exhibition booths during the Selangor International Business Summit which took place from 6 to 9 October 2022 at Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). One booth at the Selangor Industrial Park Expo (SPARK) 2022 showcased Ampang Jaya land use, planning on industrial areas and potential development areas. One booth at the Selangor Smart City and Digital Economy Convention (SDEC) showcased the planning, implementation and direction of Ampang Jaya Smart City. Two booths at the Research, Development and Innovation Expo (SRIF) highlighted MPAJ's innovation products, namely MPAJ's Intelligent Community mobile application (iComm Mobile) by Cyberwave group and 'Pocket Water' product by Archy group.*







# MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM EKSPO PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI SELANGOR (SRIE) 2022

## *CLOSING CEREMONY OF THE SELANGOR R&D AND INNOVATION EXPO (SRIE 2022)*



Majlis penutupan program Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (SRIE) 2022 telah berlangsung pada 9 Oktober 2022 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Majlis penyampaian hadiah pertandingan inovasi peringkat Negeri Selangor turut diadakan dalam majlis yang sama. MPAJ berjaya merangkul tujuh (7) anugerah utama di Ekspo Penyelidikan, Pembangunan & Inovasi (SRIE 2022) iaitu :

**Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) 2022**

1. Kumpulan Cyberwave (Jabatan Perancangan Korporat) – Juara kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan);
2. Kumpulan Archy (Jabatan Bangunan dan Senibina) – Juara kategori Inovasi Sosial (Penciptaan);
3. Kumpulan Smart PSP (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Persatuan Penduduk Pandan Indah) – Tempat ketiga kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan);
4. Kumpulan LexLogis (Jabatan Undang-Undang) – Anugerah Khas Video Persembahan Terbaik;

**Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2022**

5. Kumpulan Cyberwave (Jabatan Perancangan Korporat) – Naib Johan II kategori Sektor Awam (PBT);
6. Kumpulan 3RGG (SK Lembah Jaya) – Johan kategori Sekolah; dan

**Anugerah Tokoh Inovasi Negeri Selangor 2022**

7. Puan Rosliza binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ.



*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) opened four exhibition booths during the Selangor International Business Summit which took place from 6 to 9 October 2022 at Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). One booth at the Selangor Industrial Park Expo (SPARK) 2022 showcased Ampang Jaya land use, planning on industrial areas and potential development areas. One booth at the Selangor Smart City and Digital Economy Convention (SSDEC) showcased the planning, implementation and direction of Ampang Jaya Smart City. Two booths at the Research, Development and Innovation Expo (SRIE) highlighted MPAJ's innovation products, namely MPAJ's Intelligent Community mobile application (iComm Mobile) by Cyberwave group and 'Pocket Water' product by Archy group.*

***Closing Ceremony of the Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE 2022)***

*The closing ceremony of the Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE) 2022 program took place on 9 October 2022 at the Kuala Lumpur Convention Centre. It was officiated by the Honorable Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Government Secretary. The prize presentation ceremony of the Selangor state-level innovation competition was also held in the same ceremony. MPAJ successfully won seven (7) major awards during the Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE) 2022, namely :*

***Selangor Innovative and Creative Circle Convention 2022***

1. *Cyberwave group (Corporate Planning Department) – 1st place for the Service Delivery Innovation (Enhancement) category;*
2. *Archy group (Building and Architecture Department) – 1st place for the Social Innovation (Invention) category;*
3. *Smart PSP group (Solid Waste Management Department and Pandan Indah Residents Association) – 3rd place for the Social Innovation (Enhancement) category;*
4. *LexLogis group (Legal Department) – Special Award for Best Video Presentation;*

***Selangor Innovation Award (AINS) 2022***

5. *Cyberwave group (Corporate Planning Department) – 3rd place for public sector category (local council);*
6. *3RGG group (SK Lembah Jaya) – 1st place for School category; and*

***Selangor Innovation Icon Award 2022***

7. *Puan Rosliza binti Mohd, MPAJ's Director of Corporate Planning Department.*



# DUA (2) PROJEK KEBUN KOMUNITI MPAJ TERIMA PENGIKTIRAFAN 'NATIONAL SCROLL OF HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2022'









Dua (2) projek komuniti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) diiktiraf 10 projek terbaik bagi 'National Scroll Of Honour Award for Human Settlements 2022' sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2022 pada 7 November 2022. MPAJ telah menghantar enam belas (16) projek komuniti bagi menyertai 'National Scroll Of Honour Award for Human Settlements 2022' anjuran Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT). Dua projek komuniti yang diiktiraf serta menerima pengiktirafan 10 projek terbaik di Malaysia ialah projek jahit kain rentang terpakai (MPAJ & KRT Pandan Mewah) dan Kebun Komuniti Ceria Indah, Taman Cheras Indah (MPAJ & KK Ceria Indah).

Anugerah telah disampaikan oleh Datuk M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT pada 7 November 2022. Turut hadir Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ dan Pn. Julaihan binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ. Kebun Komuniti AU2, Keramat dan Kebun Komuniti Pegaga, Taman Bukit Indah telah diaudit pada 19 Ogos 2022 oleh Puan Lilian Tai Yee Chi, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, PlanMalaysia selaku ketua panel juri bersama tiga (3) lagi juri iaitu Encik Mohd Ariffin bin Ahmad, Encik Hamdan bin Sapri dan Puan Siti Sarah Hanim binti Basri.

## *Two (2) MPAJ'S Community Garden Projects Received the National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022 Recognition*

*Two (2) community garden projects in Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) were recognized as the 10 best projects for the National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022 in conjunction with the Malaysian World Habitat Day Celebration 2022 on 7 November 2022. MPAJ sent sixteen (16) participations to the National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022 organized by the Ministry of Housing & Local Government (KPKT). Two community projects that were recognized as the 10 best projects in Malaysia are the used banner sewing project (MPAJ & KRT Pandan Mewah) and Ceria Indah Community Garden, Taman Cheras Indah (MPAJ & KK Ceria Indah).*

*The awards were presented by Datuk M. Noor Azman bin Taib, Secretary General of KPKT on 7 November 2022. Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary. AU2 Community Garden, Keramat and Pegaga Community Garden, Taman Bukit Indah were audited on 19 August 2022 by Puan Lilian Tai Yee Chi, Town Planner from PlanMalaysia as the head of the panel together with three (3) other judges namely Encik Mohd Ariffin bin Ahmad, Encik Hamdan bin Sapri and Puan Siti Sarah Hanim binti Basri.*



# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) TURUN KE KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan tapak ke projek Laman Solera MPAJ @ Ampang Jaya, Pusat Anaerobic Digester MPAJ dan Lorong Ampang Mampan (SDGs) bagi melihat projek-projek yang telah dibangunkan dalam kawasan pentadbiran kami. Lawatan yang berlangsung pada 7 November 2022 turut disertai Dato' Haji Noor-Ihsan bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah, Jab. Kerajaan Tempatan, KPKT bersama Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Hadir sama pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, SWCORP, KPKT serta pengarah dan pegawai MPAJ.



## *The Ministry of Housing and Local Government's Chief Secretary Visited Ampang Jaya Municipal Council Area (MPAJ)*





*Datuk M Noor Azman bin Taib, the Ministry of Housing and Local Government's Secretary General visited Laman Solera MPAJ @ Ampang Jaya, MPAJ Anaerobic Digester Centre and Ampang SDGs Lane to see the projects that have been developed in our administrative area. The visit which took place on 7 November 2022 was also attended by Dato' Haji Noor-Ihsan bin Haji Che Mat, Director General, Local Government Department, KPKT with Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Also present were officials from the Solid Waste Management Department, SWCORP, KPKT as well as MPAJ's directors and officers.*









# DUA KEBUN KOMUNITI DAN SATU SEKOLAH DARI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) MEMENANGI ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2022



Hari Perancang Bandar Sedunia anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 telah berlangsung di Hotel Marriot, Putrajaya pada 8 November 2022. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dalam majlis yang sama diadakan penyampaian Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2022. Tahniah kepada Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2, Keramat yang menduduki tempat kedua dan Kebun Komuniti Pegaga, Bukit Indah yang menduduki tempat ketiga bagi kategori perumahan bertingkat. Tahniah juga kepada Sekolah Kebangsaan Pandan Indah yang turut memenangi tempat ketiga bagi kategori institusi awam.

## *Two Community Gardens and One School from Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Won Green Initiatives Awards 2022*

*National Level World Urban Planning Day 2022 organized by the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) took place at the Marriot Hotel, Putrajaya on 8 November 2022. The ceremony was officiated by Datuk M Noor Azman bin Taib, Secretary General of the Ministry of Housing and Local Government (KPKT). The presentation of Green Initiatives Award 2022 was also held in the same ceremony. Congratulations to AU2 Apartment Community Garden, Keramat for winning second place and Pegaga Community Garden, Bukit Indah on winning third place in the high-rise housing category. Congratulations as well to Sekolah Kebangsaan Pandan Indah on winning third place in the public institution category.*




# MPAJ RAIH ANUGERAH TERTINGGI EMAS PERDANA DI KONVENSYEN ANTARABANGSA MENGENAI KUMPULAN KAWALAN KUALITI (ICQCC) JAKARTA 2022

Kumpulan Hotspot Crew dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) merupakan satu-satunya pasukan inovasi dari Selangor dan salah satu daripada lapan projek inovasi Malaysia yang berjaya meraih pengiktirafan tertinggi emas perdana semasa Konvensyen Antarabangsa Mengenai Kumpulan Kawalan Kualiti (ICQCC) Jakarta 2022. Organisasi yang berjaya meraih pengiktirafan tertinggi tersebut ialah Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Miri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton), Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS), Telekom Malaysia dan STMicroelectronics Sdn Bhd.

Konvensyen antarabangsa yang melibatkan 328 peserta dan 65 kumpulan dari Malaysia ini telah berlangsung di Hotel Mercury, Anchol, Jakarta, Indonesia pada 15 hingga 18 November 2022. Hotspot Crew mempertaruhkan inovasi penyelesaian pencegahan pembuangan / pencemaran minyak masak terpakai bersama komuniti setempat.

## *MPAJ Received The Highest Prime Gold Recognition in the International Convention and Quality Control Circle (ICQCC) Jakarta 2022*

*Hotspot Crew group from Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) was the only group from Selangor and one out of eight innovation projects from Malaysia that managed to achieve the highest recognition of prime gold in the International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) Jakarta 2022.*

*The organizations that managed to achieve the highest recognition were Ampang Jaya Municipal Council, Miri City Council, Royal Malaysian Customs Department, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (Proton), Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS), Telekom Malaysia and STMicroelectronics Sdn Bhd.*

*The international convention involving 328 participants and 65 groups from Malaysia took place at the Mercury Hotel, Anchol, Jakarta, Indonesia from 15 to 18 November 2022. Hotspot Crew's innovation project functions as the solution to prevent the disposal / pollution of used cooking oil in the local community.*



# AUDIT PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT – KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)



Jabatan Audit Negara telah melaksanakan audit pengurusan program Bandar Selamat yang memfokuskan projek kamera litar tertutup (CCTV) pada 30 November 2022. Sesi ini melibatkan semakan dan pemantauan terhadap pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) iaitu 24 unit CCTV yang diserahkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Proses auditan yang diketuai oleh Puan Iylia Munirah binti Othman bersama lima (5) orang lagi panel turut disertai oleh Puan Noor Azura binti Ahmad, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negara. Hadir menyantuni barisan juruaudit ialah Pn. Rosliza binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ; Encik Mohd Ariff bin Jaafar, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi; serta beberapa pegawai yang terlibat secara langsung.

## *SAFE CITY PROGRAM MANAGEMENT AUDIT – CLOSED CIRCUIT CAMERAS (CCTV*

*National Audit Department carried out a management audit on Safe City program that focuses on the closed-circuit camera (CCTV) project on 30 November 2022. This session involves the review and monitoring of installation of 24 closed-circuit cameras (CCTV) by the Local Government Department, Ministry of Housing and Local Government (KPKT) to the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ).*

*The audit process led by Puan Iylia Munirah binti Othman along with five (5) other panellists was also joined by Puan Noor Azura binti Ahmad, Deputy Director of the National Audit Department. Attending the auditors were Pn. Rosliza binti Mohd, Director of MPAJ's Corporate Planning Department; Encik Mohd Ariff bin Jaafar, Head of Information and Communication Technology Division; as well as some officials who are directly involved.*




# SEMINAR TEKNOLOGI HIJAU DAN SEMINAR PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA (C-SMART) 2022

Pada 25 hingga 27 November 2022 telah berlangsung Seminar Teknologi Hijau dan Seminar Pemantapan Pengurusan Bangunan Berstrata (C-Smart) 2022 yang dianjurkan oleh Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Trove Hotel, Johor.

Seramai 60 orang telah menyertai seminar ini yang terdiri daripada anggota badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC) dan ejen pengurusan di bawah pentadbiran MPAJ. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang pengurusan kediaman berstrata berteraskan teknologi hijau, serta perkongsian ilmu dalam mengurus dan menyelenggara bangunan dengan berkesan berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013 serta peraturan dan garis panduan yang diguna pakai.

Barisan penceramah ialah Encik Ismail bin Abdullah dari International Green Training Centre, Puan Alia Sumayyah binti Amran dari Pengurusan Tribunal KPKT, serta Puan Nur Adilah binti Kamarzaman dan Encik Azmizam bin Ab Jalil dari Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MPAJ. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Johan bin Atil, Pengarah Jabatan Undang-undang, MPAJ mewakili Yang Dipertua pada 26 November 2022.

Sesi penyampaian hadiah C-Smart 2022 turut diadakan iaitu anugerah peserta lelaki terbaik yang dimenangi oleh Encik Ahmad bin Abdul Karim dari JMB Seri Nilam, anugerah peserta wanita terbaik yang dimenangi oleh Cik Foh Hoe Meng dari MC Merdeka Villa dan beberapa anugerah seperti peserta paling 'sporting' dan kumpulan terbaik.

**Lawatan ke Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Kondominium The Astaka @ Bukit Senyum**

Peserta seminar turut mengadakan lawatan ke Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Kondominium The Astaka @ Bukit Senyum pada 27 November 2022. Lawatan adalah bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengalaman pengurusan strata terbaik di Johor Bahru yang telah memperoleh sijil MS ISO 9001:2015 serta pengurusan dan penyelenggaraan bangunan strata dengan menerapkan elemen teknologi hijau.



## *GREEN TECHNOLOGY SEMINAR AND STRATIFIED BUILDING MANAGEMENT EMPOWERMENT SEMINAR (C-SMART) 2022*

*Green Technology Seminar and Stratified Building Management Empowerment Seminar (C-Smart) 2022 organized by the Commissioner of Building Division, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) took place at Trove Hotel, Johor from 25 until 27 November 2022.*

*A total of 60 people participated consisting of members of the joint management body (JMB), management corporation (MC) and management agents under the administration of MPAJ. This seminar aims to provide exposure to the management of strata homes based on green technology, as well as knowledge sharing in managing and maintaining buildings effectively in accordance with Strata Management Act 2013 as well as the rules and guidelines used.*

*The line-up of speakers was Encik Ismail bin Abdullah from the International Green Training Center, Puan Alia Sumayyah binti Amran from Tribunal Management of KPKT, as well as Puan Nur Adilah binti Kamarzaman and Encik Azmizam bin Ab Jalil from MPAJ's Commissioner of Building Division. The opening ceremony was officiated by Encik Johan bin Atil, MPAJ's Director of the Legal Department representing the President on 26 November 2022.*

*The C-Smart 2022 prize presentation session was also held which were the best male participant award won by Encik Ahmad bin Abdul Karim from JMB Seri Nilam, the best female participant award won by Puan Foh Hoe Meng from MC Merdeka Villa and several awards such as the most sporting participant and the best group.*

***Visit to Johor Bahru City Council and The Astaka Condominium @ Bukit Senyum***

*Participants also visited Johor Bahru City Council (MBJB) and The Astaka Condominium @ Bukit Senyum on 27 November 2022. The visit was meant for sharing knowledge and experience of the best strata management in Johor Bahru that has obtained MS ISO 9001:2015 certificate as well as management and maintenance of strata buildings by applying elements of green technology.*

# MAJLIS KOLABORASI STRATEGIK PEMERKASAAN PENDIGITALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SELANGOR BERSAMA UNIT PEMODENAN & TADBIRAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

## *STRATEGIC COLLABORATION CEREMONY FOR DIGITALIZED EMPOWERMENT OF LOCAL AUTHORITIES (PBT) SELANGOR WITH MALAYSIAN MANAGEMENT PLANNING MODERNIZATION & ADMINISTRATION UNIT (MAMPU)*









Majlis Kolaborasi Strategik Pemerkasaan Pendigitalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor bersama Unit Pemodenan dan Tadbiran Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah berlangsung pada 29 November 2022 di Hotel Premiere, Klang, Selangor. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU. Turut hadir ialah YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersama Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ; barisan Dato Bandar serta Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Dalam majlis tersebut, Tuan Yang Dipertua MPAJ telah menandatangani Persetujuan Kolaborasi Strategik Pemerkasaan Pendigitalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor bersama MAMPU. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Perancangan Korporat, MPAJ merupakan pejabat pengurusan projek (PMO) bagi projek pembangunan Pelan Pendigitalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor tersebut.

*Strategic Collaboration Ceremony of Selangor's Local Authorities Digitalization Empowerment with Malaysian Management Planning Modernization and Administration Unit (MAMPU) was held on 29 November 2022 at Hotel Premiere, Klang, Selangor. It was officiated by YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Director General of MAMPU. Also present were YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Government Secretary together with Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; mayors and presidents of Selangor's Local Authorities. At the ceremony, MPAJ's President signed a Strategic Collaboration Agreement for the Digitalization Empowerment of Local Authorities in Selangor with MAMPU. The Information and Communication Technology Division, Corporate Planning Department of MPAJ was the project management office (PMO) for the Selangor Local Authority Digitization Plan development project.*



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

# CIPTA SEJARAH 'MALAYSIA BOOK OF RECORDS' KIBAR LOGO KORPORAT TERBESAR DI PUNCAK GUNUNG KINABALU

Tanggal 15 Disember 2022 mencatatkan sejarah gemilang apabila Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjadi agensi pertama yang mencatat nama dalam 'Malaysia Book of Records' mengibarkan logo korporat terbesar di puncak Gunung Kinabalu. Seramai 30 peserta dalam kalangan ahli majlis, pengarah dan warga kerja MPAJ telah menyertai Ekspedisi T30 Puncak Gunung Kinabalu bagi tujuan mengibarkan logo korporat terbesar iaitu logo MPAJ dengan saiz ketinggian 17.8 meter dan 12.6 meter lebar sempena sambutan ulang tahun penubuhan MPAJ ke-30.

Turut serta dalam pendakian ialah Encik Christopher Wong Hong Wai, Ketua Pegawai Operasi, Malaysia Book of Record (MBOR) yang telah menyerahkan sijil rekod baharu kepada MPAJ. Ekspedisi mendaki gunung setinggi 4,095 meter daripada paras laut ini diketuai Encik Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ. Ekspedisi ini merupakan kerjasama strategik bersama Kelab Sukan Kebajikan dan Kebudayaan (KESUKE) MPAJ, Persatuan Kembara Negara, Malaysia Book of Records, Harian Metro, Bernama TV, Selamat Pagi Malaysia (Nadi Seri Pagi), TV1 BERITA RTM, Media Selangor, Kosmo Online, Berita Harian Online dan Kinabalu Park.

**Majlis Penyerahan Bendera Ekspedisi T30 Puncak Gunung Kinabalu**

Terdahulu pada 2 Disember 2022, telah berlangsung majlis penyerahan bendera Ekspedisi T30 Puncak Gunung Kinabalu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Stadium MPAJ, Pandan Perdana. Simbolik penyerahan bendera MPAJ disampaikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim selaku Yang Dipertua kepada ketua delegasi iaitu Encik Khairilazhar bin Ismail. MPAJ turut mengadakan majlis bacaan Yasin bagi mendoakan keselamatan dan kejayaan ekspedisi ini.









## AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL (MPAJ) CREATES HISTORY IN THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS BY FLYING THE LARGEST CORPORATE LOGO AT THE TOP OF MOUNT KINABALU

*15 December 2022 marked a glorious history when Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) became the first agency to record its name in the Malaysia Book of Records by waving the largest corporate logo on top of Mount Kinabalu. A total of 30 participants among MPAJ's council members, directors and employees participated in the Mount Kinabalu T30 Expedition for the purpose of waving the largest corporate logo, which is MPAJ's logo with a height of 17.8 meters and a width of 12.6 meters in conjunction with the 30th anniversary celebration of MPAJ.*

*Also participating in the program was Encik Christopher Wong Hong Wai, Chief Operating Officer of Malaysia Book of Record (MBOR) who handed over the new record to MPAJ. The expedition of climbing this mountain as high as 4,095 meters above sea level was led by Encik Khairilazhar bin Ismail, Director of the Youth, Community and Landscape Department of MPAJ. It was a strategic collaboration with MPAJ's Sports, Welfare and Cultural Club (KESUKE), National Hiking Association, Malaysia Book of Records, Harian Metro, Bernama TV, Selamat Pagi Malaysia (Nadi Seri Pagi), TV1 BERITA RTM, Media Selangor, Kosmo Online, Berita Harian Online and Kinabalu Park.*

***Flag Handing Ceremony of T30 Mount Kinabalu Expedition***

*Earlier on 2 December 2022, the flag-handing ceremony of the Mount Kinabalu T30 Expedition, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) took place at the MPAJ Stadium, Pandan Perdana. The symbolic handover of MPAJ's flag was presented by the President, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim to the head of the delegation Encik Khairilazhar bin Ismail. MPAJ also held a Yasin reading ceremony to pray for the safety and success of this expedition.*



# MAJLIS PERASMIAN JUALAN MEGA OUTLET (JPT)

## ANJURAN KEMENTERIAN PELADANGAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Majlis perasmian Jualan Mega Outlet (JPT) anjuran Kementerian Peladangan dan Keterjaminan Makanan telah berlangsung pada 3 Disember 2022 di tapak parkir Taman Melawati bersebelahan pusat beli-belah Melawati Mall. Majlis tersebut dirasmikan oleh Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Peladangan dan Keterjaminan Makanan. Turut hadir ialah Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ bersama Tuan Mohamed Radziff bin Hassan, Ahli Majlis.

MPAJ turut membuka 2 reruai yang melibatkan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Hasil bagi perkhidmatan pembaharuan lesen perniagaan dan penjaja, pasar juadah, semakan dan bayaran cukai taksiran. Jualan mega yang berlangsung selama dua hari melibatkan jualan pelbagai produk segar dan industri asas tani Lembaga Pertubuhan Peladang dengan lebih 30 reruai.









## *OPENING CEREMONY OF*
# *MEGA OUTLET SALES (JPT)*
## *ORGANIZED BY MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD GUARANTEED*

*The opening ceremony of the Mega Outlet Sales (JPT) organized by the Ministry of Agriculture and Food Guaranteed took place on 3 December 2022 at the Taman Melawati parking lot next to Melawati Mall shopping centre. It was officiated by Puan Azah Hanim binti Ahmad, Deputy Secretary General (Policy), Ministry of Agriculture and Food Guaranteed. Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President together with Tuan Mohamed Radziff bin Hassan, MPAJ's councillor.*

*MPAJ also opened 2 booths involving Licensing and Entrepreneur Development Department and Revenue Department for business and hawker license renewal services, food markets, review and assessment tax payments. The two-day mega sale involves selling various fresh and agro-based products from the Farmers Organization Board with more than 30 stalls.*













# Festival Kebudayaan dan

## Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula dan Taman Perumahan Terbersih MPAJ Tahun 2022

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menganjurkan festival kebudayaan bagi menyemarakkan seni dan budaya dalam kalangan masyarakat pada 3 Disember 2022. Beberapa pertandingan dianjurkan seperti pertandingan muzik jalanan (busking), pertandingan busana tradisional dan pertandingan permainan tradisional yang menawarkan hadiah wang tunai. Turut diadakan persembahan tarian, demonstrasi silat, pembuatan tanjak, cara ikatan sampin, mencanting batik dan pameran kraf tangan. Festival yang berlangsung di ruang amfiteater dan perkarangan Menara MPAJ turut melibatkan kerjasama beberapa agensi seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor, Kraftangan Malaysia, Jabatan Warisan Negara serta Persatuan Wanita Berdaya.

Festival telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim. MPAJ turut mengadakan majlis penyampaian hadiah Pertandingan Kitar Semula dan Taman Perumahan Terbersih Tahun 2022 pada malam perasmian festival bertempat di Auditorium Aras 5 Menara MPAJ.

### CULTURAL FESTIVAL AND PRIZE-GIVING CEREMONY OF MPAJ'S RECYCLING COMPETITION AND CLEANEST RESIDENTIAL AREA 2022

*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has organised a cultural festival to promote art and culture in the community on 3 December 2022. Several competitions were organised such as busking competition, a traditional fashion competition and a traditional game competition that offers cash prizes. There were also dance performances, silat demonstrations, tanjak making, sampin tying methods, batik weaving and handicraft exhibitions. The festival which took place at MPAJ's amphitheatre and Menara MPAJ's lobby area also involved collaboration with several agencies such as Selangor Culture and Arts Department, Malaysian Crafts, National Heritage Department and Empowered Women Association.*

*The festival was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim. Prize-giving ceremony of MPAJ's recycling competition and cleanest residential area 2022 was also held during the night of the festival at our auditorium.*



# AUDIT PENSIJILAN SEMULA
## AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (APB) 5S

Komited dalam membudayakan Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S, MPAJ telah melalui proses auditan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 13 Disember 2022 bagi tujuan pensijilan semula. Sesi Pembukaan Audit Amalan Persekitaran Berkualiti APB 5S telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Aras 16, Menara MPAJ dipengerusikan oleh Puan Julahah bt Jamaludin, Setiausaha MPAJ. Hasil auditan yang dilaksanakan oleh Encik Sabri bin Hasan dari MPC telah memperakukan bahawa MPAJ layak bagi pensijilan semula.



### RE-CERTIFICATION AUDIT FOR QUALITY ENVIRONMENTAL PRACTICES (5S)

*Committed to cultivating 5S Quality Environmental Practices (APB), MPAJ has gone through an audit process by Malaysian Productivity Corporation (MPC) on 13 December 2022 for the purpose of re-certification. The opening session of the Quality Environmental Practice audit took place at Level 16 Meeting Room, Menara MPAJ chaired by Puan Julahah bt Jamaludin, MPAJ's Secretary. As a result, Encik Sabri bin Hasan from MPC has certified that MPAJ is eligible for re-certification.*
















# HARI INOVASI 2022: INOVASI CEMERLANG, MPAJ TERBILANG



Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sepanjang tiga (3) hari penganjuran Hari Inovasi MPAJ yang mengekalkan tema 'Inovasi Cemerlang, MPAJ Terbilang'. Antara aktiviti yang diadakan dari 14 hingga 16 Disember 2022 ialah program cetusan inovasi, kursus pengurusan aduan, kursus keselamatan maklumat, program pohon inovasi, pameran produk inovasi, pameran agensi luar, sukaneka jom uji kreativiti inovasi anda, program pemeriksaan kesihatan, kursus OSHA, kursus aplikasi Photoshop, seminar 'Semarakkan Kreativiti dan Budayakan Inovasi', kursus Horizon Baharu KIK, dan kembara eksplorasi inovasi.

Majlis penutup telah diadakan pada hari terakhir dengan disempurnakan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Encik Mohd Ariff bin Jaafar dari Jabatan Perancangan Korporat telah dinobatkan sebagai Tokoh Inovasi bagi kategori Pengurusan & Profesional manakala Encik Luqman Nulhakim bin Ramlee dari Jabatan Kejuruteraan dinobatkan sebagai Tokoh Inovasi kategori Kumpulan Sokongan peringkat MPAJ.





## INNOVATION DAY 2022 : OUTSTANDING INNOVATION, DISTINGUISHED MPAJ

*A variety of interesting activities were carried out throughout the three (3) days of MPAJ Innovation Day which maintained the theme of 'Outstanding Innovation, Distinguished MPAJ'. Among the activities held from 14 to 16 December 2022 were the innovation spark program, complaint management course, information security course, innovation tree program, innovation product exhibition, external agency exhibition, let's test your innovation creativity game, health inspection program, OSHA course, Photoshop application course, 'Spark Creativity and Cultivate Innovation' seminar, KIC's New Horizons course, and an innovation exploration race.*

*The closing ceremony was held on the last day and was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ. Encik Mohd Ariff bin Jaafar from Corporate Planning Department was named as an Innovation Figure for the Management & Professional category while Encik Luqman Nulhakim bin Ramlee from Engineering Department was named as an Innovation Figure for the Support Group category at the MPAJ level.*









# HARI *TANPA* KENDERAAN MPAJ *BAGI* BULAN DISEMBER 2022

Hari Tanpa Kenderaan bagi bulan Disember 2022 telah berlangsung pada 18 Disember 2022 dengan memegang tema Hari Aids Sedunia bertempat di Padang Perbandaran MPAJ. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Turut hadir Dr. Zaliza binti Suli, Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Langat; Encik Mohamad Nazrul Hafizi bin Ahmad Fauzi, Eksekutif Akaun, Malaysia Book of Records; Puan Harlisa binti Rozikin serta pegawai dan kakitangan MPAJ.

Pelbagai aktiviti diadakan seperti jalan santai sempena Hari Aids Sedunia, taichi, Zumba, klinik memanah, kejohanan sepak takraw, sukaneka khas OKU, Hari Bertemu Pelanggan MPAJ, taklimat kesihatan 'flash mob' oleh Pejabat Kesihatan dan Daerah Hulu Langat, penyampaian sijil Malaysia Book of Records sempena kejayaan Ekspedisi T30 Puncak Gunung Kinabalu, penyampaian insentif kepada atlet dan jurulatih SUKMA 2022, penyampaian Anugerah Kejiranan Hijau, Anugerah Laman Hijau Strata, 'National Scroll of Honour Award', penyampaian hadiah pertandingan sempena sambutan bulan kemerdekaan dan Hari Malaysia, serta penyerahan sijil penghargaan kepada rakan strategik Hari Tanpa Kenderaan MPAJ.










## *CAR-FREE DAY FOR THE MONTH OF DECEMBER 2022*

*The Car-Free Day program for the month of December 2022 took place on 18 December 2022 with the theme of World Aids Day held at Padang Perbandaran MPAJ. The ceremony was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Also present were Dr. Zaliza binti Suli, Hulu Langat District Health Officer; Encik Mohamad Nazrul Hafizi bin Ahmad Fauzi, Account Executive, Malaysia Book of Records; Puan Harlisa binti Rozikin and MPAJ's officials.*

*Various activities were held such as a leisure walk in conjunction with World Aids Day, taichi, Zumba, archery clinic, sepak takraw tournament, special sports for the disabled, MPAJ Customer Meeting Day, health briefing, flash mob by the Hulu Langat Health District Office, presentation of Malaysia Book of Record's certificate in conjunction with the success of Mount Kinabalu T30 Expedition, the presentation of incentives to SUKMA 2022 athletes and coaches, the presentation of the Green Neighbourhood Award, the Green Strata award, the National Scroll of Honour Award, the presentation of competition prizes in conjunction with the celebration of independence month and Malaysia Day, as well as the handover certificate of appreciation to MPAJ's Car Free Day strategic partners.*






# MINI KARNIVAL

## PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN

## *BUSINESS LICENSE RENEWAL MINI CARNIVAL*

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah mengadakan Mini Karnival Pembaharuan Lesen Perniagaan dari 19 hingga 21 Disember 2022. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan beriangsung di galeri aras 4, Menara MPAJ dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Antara aktiviti yang diadakan ialah kaunter pembaharuan lesen, pelbagai pameran menarik, taklimat kepada pengusaha premis, penyampaian sijil penghargaan kepada pengusaha premis dan pesta mini makanan.

*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) held a Business License Renewal Mini Carnival from 19 to 21 December 2022. The program organized by Licensing and Entrepreneur Development Department took place at the gallery of Menara MPAJ from 9.00 am to 5.00 pm. Among the activities held were license renewal counters, various interesting exhibitions, briefings for premise operators, presentation of certificates of appreciation to premise operators and a mini food festival.*












Lawatan 1



# LAWATAN PENANDAARASAN DARI MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI)

*BENCHMARKING VISIT FROM IPOH CITY COUNCIL (MBI)*

Pada 7 September 2022, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menerima lawatan dari Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Lawatan diketuai oleh Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Sulhan, Pengarah Perbendaharaan, MBI. Delegasi telah disantuni oleh Puan Marlina binti Mohamad, Pengarah (Penyelaras) Jabatan Hasil MPAJ dan barisan pegawai. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari cara MPAJ melaksanakan kutipan hasil dan amalan-amalan terbaik dalam penjanaan hasil.

*On 7 September 2022, the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) received a visit from Ipoh City Council (MBI). The visit was led by Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Sulhan, Director of Treasury, MBI. The delegation was greeted by Puan Marlina binti Mohamad, Director (Coordinator) of MPAJ'S Revenue Department and officials. The purpose of the visit was to learn how MPAJ implements revenue collection and best practices in revenue generation.*

Lawatan 2

# LAWATAN PENANDAARASAN DARI MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

*BENCHMARKING VISIT FROM SUBANG JAYA CITY COUNCIL (MBSJ*



Seramai 10 orang kakitangan dari Jabatan Kontrak Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah melawat ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 14 September 2022. Delegasi diketuai oleh Sr Nazarudin bin Mashtuki, Pengarah Jabatan Kontrak Ukur Bahan, MBSJ. Objektif utama lawatan adalah untuk mempelajari amalan terbaik kaedah perolehan menggunakan Sistem Komuniti Pintar MPAJ atau lebih dikenali sebagai iComm. Delegasi telah disantuni oleh Puan Mastura binti Ishak, Ketua Bahagian Ukur Bahan MPAJ serta pegawai yang berkaitan.

*A total of 10 officials from Subang Jaya City Council's (MBSJ) Quantity Surveyor Contract Department visited Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) on 14 September 2022. The delegation was led by Sr. Nazarudin bin Mashtuki, Director of the Contract Department, MBSJ. The main objective of the visit was to learn best practice procurement methods using MPAJ's Intelligent Community System or better known as iComm. The delegation was greeted by Puan Mastura binti Ishak, Head of Quantity Surveyor Division of MPAJ and related officials.*










Lawatan 3

# LAWATAN PENANDAARASAN DARI INSTITUT LATIHAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

## *BENCHMARKING VISIT FROM TRAINING INSTITUTE, MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA (MOH).*

Seramai 25 orang pegawai dari Institut Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah hadir ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 6 Oktober 2022 bagi mendengar taklimat berkaitan proses gubalan undang-undang pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengurusan penyediaan kertas siasatan. Taklimat disampaikan oleh Encik Johan bin Ali, Pengarah Jabatan Undang-undang dan Encik Ghazali bin Abd. Wahab, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar MPAJ.

*A total of 25 officers from the Training Institute, Ministry of Health Malaysia (MOH) visited Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) on 6 October 2022 to attend a briefing on the local authority legislation process and the management of investigation paper preparation. The briefing was delivered by Encik Johan bin Ali, MPAJ's Director of the Legal Department and Encik Ghazali bin Abd. Wahab, Director of Health and Environment Department.*

Lawatan 4

# LAWATAN PENANDAARASAN DARI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)



## *BENCHMARKING VISIT FROM PASIR GUDANG CITY COUNCIL (MBPG)*

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menerima lawatan dari Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 23 November 2022. Delegasi yang diketuai oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan bersama 16 orang pegawai MBPG telah disantuni oleh Encik Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ. MPAJ telah berkongsi beberapa amalan terbaik berkaitan pengurusan tanah perkuburan Islam. Sesi lawatan tapak telah dilaksanakan ke Tanah Perkuburan Islam MPAJ, Ukay Perdana bagi melihat sendiri pelaksanaan di tapak.

*Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) received a benchmarking visit from Pasir Gudang City Council (MBPG) on 23 November 2022. The delegation led by Encik Abdul Malek bin Mohamed, Head of the Administration Department together with 16 MBPG officers was greeted by Encik Khairilazhar bin Ismail, MPAJ's Director of Youth, Community and Landscape Department. MPAJ shared our best practices related to the management of Islamic cemeteries. A site visit session was held at MPAJ's Islamic Cemetery, Ukay Perdana to see for themselves the implementation of the site.*

# Perhimpunan





**PENGANJUR/***Host* ›
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam /
*Solid Waste Management and Public Cleaning Department*
**TARIKH/***Date* › 6 September 2022
**TEMA/***Theme* › Hari Malaysia / *Malaysia Day*



**PENGANJUR/***Host* ›
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan / Licensing and Entrepreneur Development Department
**TARIKH/***Date* › 11 Oktober 2022 / *11 October 2022*
**TEMA/***Theme* › Sukan Negara / *National Sports Day*







**PENGANJUR/***Host* ›
Bahagian Audit Dalam /
*Internal Audit Division*
**TARIKH/***Date* › 20 Disember 2022 / 20 December 2022
**TEMA/***Theme* › Penutup Tirai 2022 / *Closing curtain of 2022*